

# Serah cek RM50,000

## ■ Cathay Motor Group isi Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP sempena ulang tahun ke-50

Oleh Mahaizura Abd Malik  
mahaizura@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**P**engedar alat ganti kenderaan utama di negara ini, Cathay Motor Group menyumbang RM50,000 kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP di sini, semalam.

Cek sumbangan diserahkan Pengarah Urusannya Lim Wei Fook kepada Pengurus Besar Kumpulan Jabatan Komunikasi Korporat Media Prima Berhad Azlan Abdul Aziz.

Menurut Lim, sumbangan berkenaan sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikatnya dalam membantu golongan memerlukan, semalam.

“Hari ini cukup bermakna kepada kami kerana meraikan ulang tahun ke-50 penubuhan syarikat yang diusahakan mendiang bapa saya Lim Kee Yeong sejak 1964.

“Dari tahun ke tahun beberapa kejayaan dikecapi malah

untuk perancangan akan datang, kami akan memperbaiki lagi kualiti perkhidmatan dan produk syarikat ini.

“Justeru itu, sempena hari bersejarah ini, kami berbesar hati berkongsi kejayaan ini bersama golongan kurang bernasib baik melalui pemberian RM50,000 kepada setiap 10 organisasi pertubuhan kebajikan,” katanya dalam ucapan pada majlis makan malam meraikan sambutan ulang tahun ke-50 tahun syarikat berkenaan di Pusat Konvensyen Sime Darby di sini, semalam.

Pada majlis sama, syarikat berkenaan turut menyerahkan cek sumbangan kepada sembilan lagi wakil pertubuhan kebajikan dan organisasi sekitar ibu kota dengan nilai keseluruhan RM500,000.

Ia termasuk Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia, Pertubuhan Kebajikan Sri Jayanti serta Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (MERCY).



WAKIL syarikat menunjukkan replika cek RM500,000.00 kepada 10 organisasi kebajikan.